




TAHNIAH Kumpulan Inovatif dan Kreatif AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana menerima anugerah Emas semasa Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat UiTM, 2016. - m/s 3...

Antara Menarik di Dalam



PRODUK INOVASI 2010 -2016
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 5



BERITA KAMPUS PASIR GUDANG
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 9



LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN
Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 14

CIMB Trading Room PERTAMA di UiTM

Oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat

CIMB Trading Room PERTAMA di UiTM



18 November 2016 : Fakulti Pengurusan dan Perniagaan serta Perpustakaan Tun Dr. Ismail dengan kerjasama CIMB Investment Bank telah berjaya menubuhkan pusat simulasi saham di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Memorandum Persefahaman (MOU) antara UiTM Cawangan Johor dan CIMB Investment ini ditandatangani oleh Rektor UiTM Cawangan Johor, Profesor Madya Dr. Azizan bin Abdullah bagi pihak UiTM, manakala Pengarah Retail Equities, Paul Gui Eng Hock bagi pihak CIMB Investment Bank dengan disaksikan oleh Profesor Madya Dr. Arham bin Abdullah, Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Kementerian Pendidikan Tinggi. Turut serta adalah Profesor Madya Dr. Sofian Shamsuddin, Pengarah Pejabat jaringan Industri, Masyarakat dan alumni, selaku wakil rasmi Naib Canselor UiTM.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada CIMB Investment Bank kerana memilih UiTM sebagai rakan kolaborasi universiti. Selain itu, setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada para penyumbang dana antaranya Tuan Haji Mohd Asri bin Ahmad (Alumni UiTM) dalam merealisasikan penubuhan CIMB Trading Room.

Pihak CIMB Investment Bank telah menyediakan trading platform iaitu i-trade@CIMB, manakala Perpustakaan Tun Dr. Ismail menyediakan kelengkapan makmal computer, LED ticker, LED TV dan lain-lain alat pandang dengar.

Pusat simulasi saham tersebut merupakan platform terbaik untuk mendedah dan melatih para mahasiswa / mahasiswi kepada ilmu pasaran saham dengan menggunakan teknologi yang sebenar sepertimana digunakan di pasaran ekuiti untuk proses pembelajaran. CIMB Trading Room ini turut membantu para pensyarah semasa proses pengajaran dan ini dapat menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan dalam menghasilkan para graduan yang holistik.

Usahasama ini memberi nilai tambah kepada program yang ditawarkan di UiTM Cawangan Johor iaitu Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Pelaburan, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) (Kewangan) dan Diploma Analisa Pelaburan. Semoga usaha murni ini dapat dioptimumkan sepenuhnya oleh semua warga UiTM Cawangan Johor. Gunakan sebaik mungkin peluang dan ruang yang ada, insya Allah kejayaan menanti kita. Syabas dan tahniah kepada UiTM Cawangan Johor kerana menjadi UiTM yang PERTAMA memiliki CIMB Trading Room.

